

Kawal kebenaran rentas negeri elak jangkitan baharu

M Jasni Majed,
Kampung Bukit
Kapar, Kapar

Sudah beberapa minggu perbincangan isu rentas negeri diketengahkan pelbagai media massa. Sejak vaksin COVID-19 diambil, perbincangannya lebih menarik kerana vaksin dianggap daya tahan seseorang daripada dijangkiti, sekali gus 'tiket' bergerak ke mana-mana.

Perbincangan tentu lebih hangat apabila umat Islam mula berpuasa dan diikuti sambutan Aidilfitri. Memang ramai lama tidak balik untuk menjenguk orang tua dan saudara-mara di kampung atau di mana sahaja keluarga berada.

Tentu ramai tidak mahu sejarah tahun lepas berulang kerana berkurung di rumah meraikan Aidilfitri dan menikmati juadah sesama ahli keluarga sahaja. Tahun ini, ramai berharap dapat beraya seperti biasa, iaitu bersama ahli keluarga, saudara-mara dan rakan taulan.

Harapan ini tentu bagi mereka yang berhijrah. Ramai mahu tradisi berhari raya di tempat asal kembali seperti sedia kala. Biar bersesak di jalan raya asalkan dapat bersama ibu bapa dan keluarga di tempat asal.

Bagaimanapun, kekangan mencapai hasrat itu memang banyak. Kes positif COVID-19 masih tinggi dan masih terdapat kawasan Zon Merah di beberapa negeri, terutama negeri ramai penduduk seperti Selangor dan Johor.

Lembah Klang sahaja mencatat 6.3 juta penduduk pada 2020. Menurut Pakar Kesihatan Awam Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, kepadatan penduduk di kawasan terbabit menjadikan

kes positif COVID-19 tinggi berbanding negeri lain.

Tentu sekali, jika pematuhan operasi standard diabaikan, kawasan padat penduduk ini terus mengalami penularan dalam jangka panjang. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pernah menyatakan pandemik ini akan terus berada dalam komuniti untuk jangka panjang.



Kita juga tentu sukar mengawal gelagat orang ramai yang sudah lama terkurung di rumah atau daerah tanpa boleh bergerak bebas seperti biasa. Pihak yang lama tidak berkenduri-kendara, inilah masa mengadakannya; yang lama tidak berkumpul, saat inilah mereka hendak berkumpul dan 'makan-makan'; yang lama tidak berjalan jauh, inilah peluang

hendak merentas negeri walaupun tidak dibenarkan berbuat demikian.

Ini antara kerenah masyarakat yang sukar dikawal. Ramai tidak memahami situasi sebenar kesan pandemik ke atas diri, keluarga dan masyarakat di sekeliling. Malah, ada sesetengah kawasan bertukar menjadi Zon Merah kerana tindakan merentas negeri.

Sedikit situasi dinyatakan di atas memperlihatkan betapa ada dalam kalangan kita memandang remeh pandemik COVID-19. Ini diburukkan lagi dengan tindakan sesetengah pihak menjadi golongan anti-vaksin, malah mempunyai pelbagai persepsi terhadap pandemik ini.

Di kedai kopi atau warung, muncul pula 'dokter' memberi pelbagai pendapat dan mempengaruhi rakan. 'Dokter' segera ini sangat bahaya kerana mengaitkan COVID-19 dengan 'itu dan ini' termasuk senario politik negara seolah-olah negara kita sahaja kena pandemik.

Belanja sahaja secawan teh, macam-macam pendapat keluar. Belanja 10 cawan, berpuluh-puluh idea mengalir sehingga hendak tergelak mendengarnya.

Jadi, keputusan memberi kebenaran merentas negeri bukan mudah. Apa dibimbangkan, kebenaran merentas negeri bermakna menambah lagi perhimpunan orang ramai di sesuatu tempat.

Paling dibimbangi, kawasan sudah dalam proses pemulihan mesti dikekalkan supaya pandemik dapat dikekang.

Kita tidak mahu disebabkan kelalaian sendiri, pandemik ini kembali bertebaran seperti dialami September lalu.